



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK ZAFFRANI MOHAMMAD ARIFFIN  
MACHANG AIRFIELD**

**OLEH:**

**MOHAMMAD ALIF FAISAL BIN SHAARI (2017275984)**

**SY MUHAMMAD NAZIF BIN SY AHMAD (2017275874)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN Kelantan  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPTEMBER 2018 – JANUARI 2019)**

**TRANSKRIP WAWANCARA  
ENCIK ZAFFRANI MOHAMMAD ARIFFIN  
MACHANG AIRFIELD**

**OLEH:**

**MOHAMMAD ALIF FAISAL BIN SHAARI (2017275984)**

**SY MUHAMMAD NAZIF BIN SY AHMAD (2017275874)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN Kelantan  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPTEMBER 2018 – JANUARI 2019)**

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurniaNya kami dapat menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Pertama sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasi kepada Encik Zaffrani bin Mohammad Ariffin kerana sudi bekerjasama dalam sesi temubual kami yang berlangsung selama 2 jam dan sudi untuk menghadirkan diri pada cuti hujung minggu untuk meluangkan masa dalam membantu kamu melakukan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada pensyarah kami iatu Puan Nurulannisa binti Abdullah yang banyak membantu kami dalam persediaan sebelum menemubual tokoh dan juga banyak membimbing dalam aturcara persiapan sebelum menemubual dan selepas menemubual. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada puan di atas tunjuk ajar serta bimbingan sepanjang kami menyiapkan kajian sejarah lisan ini.

Akhir sekali tidak lupa juga kepada rakan sekerja yang banyak membanting usaha dan tenaga demi menyiapkan tugas ini serta ibu bapa kami yang memberi sokongan dan dorongan dan tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang banyak memberi input yang boleh membantu kami dalam menyelesaikan tugas ini.

# **ISI KANDUNGAN**

## ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	iii
Biodata Tokoh	iv
Transkrip	1-23
<b>Lampiran</b>	
Log Wawancara	24
Diari Kajian	27
Senarai Soalan	30
Senarai Abbreviasi	36
Senarai Singkatan	36
Gambar	37
Rujukan	42
Indeks	43

# **ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

*Abstrak: Kajian sejarah lisan in menekankan lokasi Machang Airfield dimana tempat ini pernah menjadi pangkalan udara tentera British untuk mempertahankan ruang udara Kelantan pada tahun 1941. Objektif kajian sejarah lisan ini adalah untuk mengetahui lebih lanjut tentang kejadian sebenar pada masa itu, bangunan-bangunan dan lain-lain. Kajian in diperolehi hasil daripada menemubual Encik Zaffrani bin Mohammad Ariffin sebagai ahli PPSK (Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan) yang mengetahui banyak informasi mengenai Machang Airfield ini kerana dia berpengalaman membuat kajian di tempat tersebut selama lebih kurang 2 atau 3 tahun, Hasil kajian sejarah lisan ini*

*Kata Kunci: Pangkalan udara, British, Jepun, Landasan, Perang dunia kedua.*



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH

<b>Perkara</b>	<b>Penerangan</b>
Nama Penuh	Zaffrani Bin Mohammad Ariffin
Alamat	Taman Guru, Kota Bharu, Kelantan
Umur	47 Tahun (17 Disember 1971)
Taraf Pendidikan	1. SRP di SIC (Sultan Ismail College) 2. ITM (Institut Teknologi MARA)
Tahun mula bergiat sebagai ahli PPSK (Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan)	2014
Taraf perkahwinan	Berkahwin
Latar Belakang Kerjaya	Kerani di Bank Simpanan Nasional

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

Kajian sejarah lisan ini berlangsung pada 17 November 2018 bersamaan hari Sabtu bermul pada jam 12.24 petang sehingga jam 2.10 petang. Kajian ini dijalankan sebagai salah satu keperluan kursus untuk kursus Oral Documentation. Kajian ni bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai lokasi Pangkalan Udara Machang atau nama rasminya ialah Machang Airfield.

Kajian ini berlangsung lebih kurang dua jam di mana kami menemubual Encik Zaffrani bin Mohammad Ariffin iaitu salah seorang ahli Pesatuan Pencinta Sejarah Kelantan (PPSK) yang berpengalaman dalam sejarah Perang Dunia Kedua ni Kelantan. Beliau sudah berkecimpung di dalam bidang ini selama empat tahun sejak dari 2014.

Kajian ni memperolehi maklumat-maklumat yang baru serta pengalaman baru buat pengkaji sejarah-sejarah di Kelantan ini. Kajian ini banyak memberi informasi mengenai sejarah perang dunia kedua di Kampung Lalang Luas ini.

**TRANSKRIP  
TEMU BUAL  
BERSAMA TOKOH**

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan dengan Encik Zaffrani Bin Mohammad Arifin yang merupakan salah seorang ahli Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan (PPSK). Rakaman ini dijalankan di Kampung Lalang Luas, Labok, Machang, Kelantan tujuh belas September dua ribu lapan belas (17.11.2018) jam dua belas dua puluh empat minit petang. Wawancara ini dikendalikan oleh Mohammad Alif Faisal Bin Shaari dan dibantu oleh Sy Muhammad Nazif Bin Sy Ahmad. Dengan segala hormatnya, kita mulakan rakaman ini.

**MAF:** Apakah Nama penuh Tuan.

**ZMA:** Nama saya Zaffrani bin Mohammad Arifin.

**MAF:** Berapakah umur Tuan?

**ZMA:** Umur saya 47 tahun.

**MAF:** Bilakah Tuan dilahirkan?

**ZMA:** Bila?

**MAF:** Aaa [ya] bila.

**ZMA:** Tahun 1970 di Pasir Mas.

**MAF:** Okey [baiklah] lepastu [selepas itu] boleh tak [tidak] Tuan terangkan dekat mana Tuan lahir lepastu [selepas itu] tempat dibesarkan...

**ZMA:** Ooo... okey [baiklah] saya lahir di Pasir Mas, Kelantan pada 17 September 1971 dan saya dibesarkan di Kota Bharu lah. Sekolah rendah dan sekolah menengah di Kota Bharu.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu latar belakang pendidikan Encik. Kronologi lah mungkin university [universiti] ke hahaha (ketawa kecil)

**ZMA:** Okey [baiklah] sebenarnya saya ni [tiada] masuk universiti apa lah, saya ni hanya sampai form [tingkatan] 5 jelah [sahaja] di SIC [Sultan Ismail College] di Kota Bharu tahun 1988, lepastu [selepas itu] ada masuk ITM [Institut Teknologi Mara] sekejap lah tapi tak [tidak] habis progres [kemajuan] hahahaha (ketawa kecil).

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu pekerjaan awal Tuan setelah tamat pengajian dekat SIC [Sultan Ismail College].

**ZMA:** Lepas saya apa ni-- belajar SIC [Sultan Ismail College] saya sambung belajar lagi jap [sekejap], ITM sekejap, lepastu [selepas itu] saya masuk kirije [kerja] sebagai kerani bank lah BSN [Bank Simpanan Nasional].

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu tempat tinggal Tuan sekarang?

**ZMA:** Okey [baiklah] tempat tinggal sekarang saya tinggal di Taman Guru, Kota Bharu.

**MAF:** Kota Bharu?

**ZMA:** Ya.

**MAF:** Jauh... (ketawa kecil).

**MAF:** Okey [baiklah] sekarang saya nak tanya bahagian kerjaya sekarang lah. Okey [baiklah] apakah jawatan Tuan dalam PPSK [Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan] ni? [ini?]

**ZMA:** Jawatan saya sebenarnya sebagai pengkaji sejarah tentang perang dunia ke dua lah di Kelantan ni terutamanya di lokasi-lokasi yang sejarah perang.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu bilakah Tuan mula berkhidmat di PPSK [Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan].

**ZMA:** Saya berkhidmat di PPSK [Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan] ni tahun 2014.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu jugak [juga] mengenai PPSK ni lah apakah tujuan PPSK tu ditubuhkan.

**ZMA:** Okey [baiklah] aaa... Kita ni tujuan kita ialah mem... memberitahu sejarah di Kelantan aaa... sejarah, budaya dan perkara yang berkaitan dengan warisan lah di Kelantan ni, kita buat kajian dan kita beri maklumat kepada yang meminati untuk pengkaji ke ataupun yang minatlah sejarah kita ni.

**MAF:** Dia merangkumi semua kat [dekat] setiap negeri-negeri ehh-- setiap daerah-daerah lah?

**ZMA:** Semua tempatlah di Kelantan.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya tahu macammanakah [bagaimanakah] Tuan boleh menyertai PPSK [Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan] ni?

**ZMA:** Okey [baiklah] saya ni sebelum ni saya selalu buat kajianlah, jadi salah seorang kumpulan PPSK [Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan] ni dia meminta saya menyertai PPSK ni lah sebab saya ada banyak pengalaman, banyak maklumat jadi boleh berkongsi maklumat ni lebih bagus lagi lah untuk aaa... persatuan kita sebab kita sebagai persatuan kita ada satu badan untuk memberi maklumat yang lebih baik lagi lah (ketawa kecil).

**MAF:** Lepastu [selepas itu] aaa... kalau masuk PPSK ni saya nak tahu tujuan Encik mencintai... tujuan Encik untuk menyertai PPSK ni.

**ZMA:** Tujuan saya aaa... sebenarnya bila kita bergabung dengan persatuan, kita berinteraksi dengan banyak pihak lah secara rasmi lah. Jadi itulah peluang yang lebih bagus untuk kita untuk kita sebagai platform [kayu ukur] memberi maklumat aaa...



tentang sejarah dan budaya kitalah contoh kita ada di invite [jemput] oleh Jabatan mana-mana untuk buat pameran ke jadi sebagai badan persatuan kita boleh mampu sebab kita ada ramai anggota aaa... ahli, ahli pun berminat jadi kita oleh bekerjasama lah untuk menghasilkan sesuatu event [acara] ke.

**MAF:** Ya okey [baiklah]. Okey [baiklah] soalan seterusnya adalah saya nak tahu peranan ataupun tugas-tugas PPSK ni.

**ZMA:** Peranan?

**MAF:** Ya peranan ataupun tugas-tugas PPSK nil ah.

**ZMA:** Okey [baiklah] peranan PPSK ni aaa... sebagai saya kata tadi. Kita adalah platform sejarah di Kelantan terutamanya sebab Kelantan ni kita banyak sejarah tapi untuk memberitahu orang ramai dia susah sikitlah sebabnya sekarang orang tak [tidak] minat membaca kan? Jadi kita kena buat dengan cara kita sendiri lah dengan buat pameran, dengan buat dalam internet, dalam blog jadi orang diluar Kelantan pun boleh--page PPSK jadi orang ramai aaa... macam orang Kelantan yang kerja di Kuala Lumpur kalau dia minat sejarah kadang-kadang dia rasa nostalgia lah sejarah rumah kampung dia dulu-dulu jadi dia boleh ke website [laman web] dan blog dan kita boleh interaksilah ada jugak [juga] ramai yang buat kajian macam Encik-encik semua ni jadi kita ada platform untuk lebih lebih baik lagi sebagai ahli sejarah untuk berinteraksi dengan orang ramai lah.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu jawatan Encik dalam PPSK ni adalah merupakan satu tanggungjawab yang berat lah untuk adakah ia berat ke macamana?

**ZMA:** Sebenarnya... MENCABAR aaa... mencabar sebabtu [sebab itu] tak [tidak]da [tiada] ---

**MAF:** Boleh bagitau [beritahu] macammna [bagaimana] mencabar tu [itu].

**ZMA:** Mencabar tu sebabnya kita sebagai pengkaji sejarah kan, contoh tempat ni kawasan perang dulu kita nak masuk dalam kawasan aaa... tapak British dulu beret dulu

masuk dalam kawasan hutan jadi... ada banyak risiko lah tentang binatang tak [tidak]ut orang yelah [iya lah] susah nak cari barang-barang lama ni... binatang pun kadang-kadang bahaya jugak [juga] lah kan macam ular ke ada apa-apa kan. Okey [baiklah] satu lagi haha (ketawa kecil) aaa... nak mendapatkan maklumat kan tentang sesuatu perkara sesuatu lokasi memang susahlah sebabnya kita ni [ini] memang kekurangan bahan rujukan sebab di Malaysia ni memang kita kerajaan tak [tidak] simpan sangat jadi kita kena cari orang yang orang yang boleh mencari maklumat lah macam peminat sejarah lain, pengkaji sejarah lain yang tinggal di England contohnya dia ada access [capaian] ke arkib negara, arkib negara British ya... dia... dia... ada banyak rekod-rekod kita masih lagi simpan di oleh British jadi dengan lengkap jadi kita kena mintak [tidak] mereka tolonglah mencari lah.. Pihak sanalah, kawan saya lah, sebabnya di Malaysia ni perang dunia ke dua ni bukan hanya kita yang terbabit ni tentera British, tentera India, Australia jadi Jepun pun kan jadi cuma aaa... jadi kita terpaksa berinteraksi dengan orang luar negaralah dan rujukan pun bahasa asing contoh Bahasa Jepun kan.. lepastu [selepas itu] cabaran yang besar jugak [juga]lah nak cari translator [penterjemah] kita tak [tidak] boleh baca Bahasa Jepun tulisan, jadi kita kena cari orang yang sanggup aaa... menterjemah Bahasa Jepun bukan senang orang tu tak [tidak] minat ke tak [tidak] kena cara ke--- tak [tidak] boleh buat kan. Jadi dia kena cari orang yang minat sejarah jugak [juga] orang Jepun sendiri. Tapi susah jugak [juga] sebabnya Jepun tak [tidak] fasih dengan bahasa inggeris dia nak translate [terjemah] kadang-kadang Jepun dia malu nak cerita benda -benda yang-- benda sedih dan dasyat bagi bagi mereka sampai sekarang masih ada trauma-- aaa jadi bila ada macam perasaan sekarang ada perasaan marah contoh ayah dia kena hantar kerja dekat kereta api maut ke jadi orang sana pun tak [tidak] berapa nak bercakap lah tentang ni jadi satu apa ni satu cabaranlah nak cari orang sanggup nak buat benda ni.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu adakah PPSK ni pernah menerima kunjungan dari kelab pencinta sejarah luar apa ni dari negara-negara lain macam Jepun ko [ke] pernah tak [tidak] menerima kunjungan.

**ZMA:** Ada, sebagai pengkaji sejarah terutamanya tentang perang dunia kedua... jadi benda ini subjek ni tentang perang dunia kedua berkaitang dengan British Australia kan jadi mereka--jadi orang yang lihat hasil kajian kita dalam internet ke dia tengok [lihat] ada kaitan dengan sejarah negara dia jadi dia datang kesini lah dan nak lihat tempat kita macamana untuk rekod merekalah.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] soalan saya yang seterusnya adakah PPSK ni pernah menerima pencapaian ataupun anugerah ke [kah].

**ZMA:** Ada... ada... -- dia ada bagi sijil lah sebab kita aktif lah jadi dia tengok [lihat] progress [kemajuan] kita ni bagus jadi dia bagi penghargaan lah aktiviti kita.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tanya adakah Tuan sendiri pernah menulis artikel di page [muka surat] ke Facebook.

**ZMA:** Ada. Selalu lah...

**MAF:** Pasal [Mengenai] mengenai apa tu [itu] artikel?

**ZMA:** Dia... kita ni ramai-- saya perang dunia kedua di Kelantan lah.

**MAF:** Semua hal-hal perang dunia kedua di Kelantan lah?

**ZMA:** Haaa ya.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu jugak [juga] pembaharuan yang Tuan laksanakan di PPSK ni.

**ZMA:** Pembaharuan?

**MAF:** Haa [iya] pembaharuan ataupun peningkatan dari segi info [informasi] ke dan Tuan cuba untuk tambah info-info [informasi-informasi] mengenai sejarah di Kelantan.

**ZMA:** Okey [baiklah] aaa... maklumat ni kita selalu tambah sebabnya lebih banyak kita buat kajian lebih banyak kita dapat maklumat yang baru lah jadi maklumat yang terbaru ataupun penemuan terbaru kita akan post [muat naik] nanti dalam group [kumpulan] kitalah group [kumpulan] persatuan ni jadi orang lain akan tahulah penemuan terbaru yang kita dapat ni apa yang contoh apa yang berlaku kat sini specifically [spesifik] artifak kita akan post [muat naik] lah jadi benda tu selalu kita buatlah.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu sepanjang Tuan berkhidmat ni adakah Tuan tahu rakyat-rakyat ataupun orang awam ni dia tahu tak [tidak] sejarah Kelantan adakah ramai yang tahu atau ramai yang tak [tidak] tahu.

**ZMA :** Sebenarnya bagi saya dia ada dua golongan orang golongan lama ni dia tahu lah tentang sejarah perang dunia kedua yang hidup masa perang kan yang siapa yang orang yang berumur dia ingat cerita yang ayah dia cerita dulu tapi generasi muda ni kurang maklumat sikitlah sebabnya saya rasa jarak tu masa jauh kan jadi dia tak [tidak]tahu sangatlah tak [tidak] banyak maklumat kita ada, tak [tidak] lengkap dan mungkin cara orang nak buat apa ni memberi maklumat ni tak [tidak] menarik sangat lah contohnya muzium tak [tidak] menarik contohnya dia kena buat cara yang interaktif lah yang lebih menarik.

**MAF:** Contoh dalam facebook [muka buku] ramai tak [tidak] yang respon dekat page [ruangan]?

**ZMA:** Ramai... Ramai... Jadi dia sangat sedikit gembiralah tengok [lihat] ramai respon dan dia mendorong kita buat banyak lagi kajian lah.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu apakah projek ataupun PPSK buat buat masa sekarang ni.

**ZMA:** Projek?

**MAF:** Ya, projek ataupun aktiviti terkini.

**ZMA:** Kita buat-- event memperingati Jepun mendarat di tanah Melayu dan kita bekerjasama dengan agensi-agensi lain jugak [juga] lah.

**MAF:** Saya nak tahu adakah PPSK pernah adakan projek-projek yang melibatkan organisasi lain bekerjasama dengan organisasi lain untuk mencari sejarah-sejarah kat [di] Kelantan?

**ZMA:** Kita ada buat secara macam bukan dia datang sini tapi kita berbincang macam muzium negeri Kelantan, muzium tentera darat pun kita pernah dan mungkin ada kaitan dengan pelancongan negeri Kelantan sebab kita ni ada kaitan dengan pelancongan sebabnya kita menarik pelancong yang minat sejarah untuk datang jadi kita kena bekerjasama dengan pihak pelancongan.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu hasil-hasil daripada projek-projek tadi, adakah ia mengeluarkan satu informasi yang berguna.

**ZMA:** Aaa... bagi kita hasilnya berguna kepada masyarakatlah terutamanya pelajar-pelajar sejarah biasanya pelajar sejarah yang lebih meminati ataupun perlukan bahan-bahan sejarah untuk bahan akademik ilmiah untuk peperiksaan ke kajian.

**MAF:** Saya nak tahu selain daripada Encik adakah ramai lagi ahli PPSK yang buat tugas-tugas dekat [di] sini?

**ZMA:** Selain dari saya?

**MAF:** Haa [ya]

**ZMA:** aaa... di Machang di tempat-- Perang dunia ke dua lah--

**MAF:** Adakah di Machang, Kota Bharu adakah orang-orang yang berlainan handle [urus] sejarah di setiap tempat tu [itu]?

**ZMA:** sebenarnya orang kita ni biasanya orang ahli yang samalah tapi kita dapat juga yang baru kalau yang betul-betul minat lah.

**MAF:** Jadi macam sapa-sapa [siapa-siapa] lah yang boleh jadi ahli PPSK ni.

**ZMA:** aaa... sesiapa yang berminat sebabnya kita memang hargai orang yang masuk dengan kumpulan kita sebabnya dia pun ada ilmu jugak [juga] jadi bila bergabung dengan dia kita akan dapat lebih banyak lagi maklumat yang kita dapat kita selalu galakkan orang ramai untuk menyertai kumpulan kitalah.

**MAF:** Okey [baiklah] kita akan masuk bahagian lain yang mana bahagian ni untuk sejarah tempat lapangan terbang. Kita masuklah.

**ZMA:** Haa [ya] boleh.

**MAF:** Soalan saya pertama ialah apakah nama rasmi untuk lapangan terbang ini?

**ZMA:** Okey [baiklah] dalam British punya rekod biasanya dalam buku dia sebut Machang Airfield [Padang Udara], Machang Airfield [Padang Udara] tapi kalau tengok [lihat] dalam peta ni Labok Airfield [Padang Udara] Labok pun dia pernah guna jugak [juga] tapi [tetapi] dia tulis Machang tapi benda ini tak [tidak] berapa formal lah tapi sejarah kajian lain nama dia tulis Machang Airfield [Padang Udara].

**MAF:** Machang Airfield [Padang Udara] ni [ini] memang nama yang selalu guna lah?

**ZMA:** Haa [ya] nama rasmi lah, Pangkalan Udara Machang.

**MAF:** Nama tu [itu] kat [di] mana nama tu [itu] diperolehi adakah dari pihak British sendiri atau pihak kita sendiri yang bagi [beri] nama.

**ZMA:** Okey [baiklah] biasanya cara British membuat menamakan lapangan terbang mereka cari tempat lokasi mereka bandar terdekat contoh bandar Machang dia, Machang lebih kurang 6-kilometer jadi dia panggil sini Machang Airfield [Padang Udara] lah.

**MAF:** Dia gunakan nama Machang lah?

**ZMA:** Haa [ya]

**MAF:** Okey [baiklah] seterusnya dimanakah lokasi sebenar lapangan terbang ni [ini]?

**ZMA:** Lapangan terbang ni [ini] di Labok ni spesifik sini Lalang Luas, Kampung Lalang luas, jadi ianya-- apa soalan tadi? Tak [tidak] ingat haha (ketawa kecil).

**MAF:** Lokasi sebenar.

**ZMA:** Lokasi sebenar lebih kurang 6-kilometer dari bandar Machang lah ke utara bandar Machang haa.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] okey [baiklah] saya nak tahu tarikh lapangan terbang ini ditubuhkan?

**ZMA:** Sebenarnya British mari [datang] di Kelantan, tentera British lah, tahun 1940 dia bawak [bawa] askar dia semua ni [ini] jadi dia siapkan lapangan terbang ini agak lama lah sebab dia kena buat banyak benda lah jadi bila datang sini askar dia duduk sini pada bulan julai lah aaa... 1941 lebih kurang 21 haribulan jadi sana dia menempatkan battalion tentera Hyderabad tentera India lah.

**MAF:** Tentera India pun ada jugak [juga] lah?

**ZMA:** Kebanyakan tentera India lah ramai. Tapi askar India anggota dia askar India tapi ketua dia British.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu bilakah tarikh lapangan terbang ini betul-betul beroperasi, mula beroperasi lepas dia siapkan tu bila dia betul-betul beroperasi.

**ZMA:** Okey [baiklah] aaa... masa dia operasi dia meng---mengedalikan kapal terbang semua kan, bila lapangan terbang in disiapkan 1949, dia dalam proses pembinaan lagi sebenarnya.

**MAF:** Dalam proses pembinaan lagi tapi dia dah digunakan lah?

**ZMA:** Dia kapal terbang pun [tiada] lagi tapi kita di Kelantan kita ada tiga buah lapangan terbang Kota Bharu di Pengkalan Chepa, di Gong Kedak dan di Machang tapi yang pasti

masa tu yang aktif di Kota Bharu lah di Pengkalan Chepa yang satu lagi di Gong Kedak, yang tu dia menempatkan satu skuadon jugak [juga] tapi sini betul belum betul-betul siap jadi dia tidak menempatkan sebarang pesawat lah.

**MAF:** Jadinya lapangan terbang ni memang tak [tidak] digunakan lah.

**ZMA:** Tidak aktiflah.

**MAF:** Tak [tidak] aktiflah.

**ZMA:** Belum sempat lagi nak guna haha (ketawa kecil).

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu siapakah pihak yang bertanggungjawab untuk menubuhkan lapangan terbang tersebut adakah pihak British ke [kah].

**ZMA:** ooo... dia memang di... di... lapangan terbang udara memang dibawah tentera British, tentera udara British, tentera udara diraja British RAF jadi dia memerlukan pengkalan udara jadi di buat di Kelantan lah sebab di pantai timur dia lebih dekat dengan laut untuk mempertahankan serangan dari laut lah. Dibawah komand—diketuai ketua British di Singapore [Singapura] [Singapura].

**MAF:** Saya nak tahu kalau Encik tahu lah. Secara keseluruhannya apa material [bahan] yang digunakan untuk mereka bina landasan?

**ZMA:** Landasan ni mereka guna aaa... apa ni... tar lah. Tu ada dua landasan sebenarnya, landasan utama yang pada utara ke selatan dan satu lagi daripada timur ke barat.

**MAF:** Adakah--- saya nak tahu lah adakah dulu landasan ni adakah siap dibina ataupun ada yang tak [tidak] siap dibina?

**ZMA:** Okey [baiklah] yang ni landasan utama siap dibina, tapi landasan kedua ni unfinished [tidak siap], belum siap.

**MAF:** Kenapa dia tak [tidak] sempat disiapkan.



**ZMA:** Mungkin kekurangan bahan binaan dan mungkin kekurangan masa sebabnya mungkin ramai [tiada] orang nak buat. Pekerja lah hahaha (ketawa kecil).

**MAF:** Okey [baiklah] saya nak tahu berapa lamakah masa yang diambil untuk pihak British ataupun sapa-sapa [siapa-siapa] untuk membina lapangan ni.

**ZMA:** Okey [baiklah]... dia membina ni kalau kira 41 satu dia buat jadi lebih kurang 2 Julai sehingga Disember dalam 6 bulan jugak [juga] lah.

**MAF:** Okey [baiklah] saya nak tahu sapa [siapa] yang terlibat dalam pembinaan adakah orang kampung yang dikerah ataupun tentera-tentera sendiri yang buat?

**ZMA:** Okey [baiklah] yang bila pembinaan tu dia perlukan buruh jugak [juga]lah jadi buruh tu rasanya orang kampung disekitar ni tapi yang bertanggungjawabnya jurutera British lah aaa... nama dia ni dia kompeni ke-19 dan kerjasama dengan jabatan kerja raya Kelantan lah sebabnya mereka—untuk mendapatkan buruh-buruh tempatan untuk bekerja dengan tentera British kan.

**MAF:** Apakah orang-orang yang dikerah untuk buat landasan tu dipaksa ataupun dibayar?

**ZMA:** Diupahlah sebabnya saya lihat dengan rekod di--- memang British sejumlah wanglah dalam akaun dia uuntuk membayar pekerja-pekerja lah.

**MAF:** Maknanya dia bukanlah dipaksa dan diugut lah?

**ZMA:** Sebabnya salahlah guna undang-undang macam tu hahaha (ketawa kecil).

**MAF:** Okey [baiklah], sebagaimana yang kita tahu dia punya landasan ni tak [tidak] siap dibina, jadi apakah sebab landasan tu tak [tidak] siap dibina sepenuhnya.

**ZMA:** Sebabnya berperang tu sudah bermula jadi yang lain tu dah siap jadi mungkin banyak kerja mungkin kekurangan anggota ke jadi dia tak [tidak] siap sangatlah. Dia memang siap kebanyakannya memang siaplah baret dah siap meriam dah ready[sedia] lah cuma tak [tidak] siap dari segi pesawat lah dia [tiada]menempatkan kat sini.

**MAF:** Adakah lapangan terbang ni [ini] sebagai kubu pertahanan terbesar dekat Lalang luas ni bagi pihak British?

**ZMA:** Tidak, lapangan terbang ini dibuat untuk menjaga jambatan kereta api Guildemart jambatan tu tepanjang di Malaya pada masa tu. Dan disini juga ada pemancar dimana ia dikawal oleh pihak British pada masa itu. Jadi tempat ni strategik. Dia dekat dengan laut, di tengah-tengah nak ke utara dekat nak ke selatan pun dekat.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu keluasan lapangan terbang.

**ZMA:** Keluasan ye [ya]. 2 ekar lebih, lebih dari 2 ekar. Cuma kalau ikut landasan ni landasan utama dia 1100 meter, landasan kedua 1080, kalau yang kecik [kecil] ni 90-meter lah. Contoh musuh memusnahkan satu landasan dia akan guna yang satu lagi.

**MAF:** Jadi landasan ni tak [tidak] sempat disediakan sebab peperangan telah bermula lah?

**ZMA:** Aaaa... [ya]

**MAF:** Sebab tu adakah perang tu dicituskan oleh pihak Jepun atau pihak lain, sapa [siapa] yang menyerang?

**ZMA:** Masa 8 Disember tu tentera Jepun lah yang menyerang di Kelantan dan Asia sekali lah ternasuk Pearl Harbor, jadi tempat pertama tentera Jepun mendarat di Kelantan ni adalah ni Kota Bharu lah di Kuala Pak Amat dalam pukul 1 pagi lebih kurang dan lapangan terbang Machang ni diserang pada hari yang samalah. Jepun masa tu pangkalan dia di Vietnam dan Songkla. Apabila dia mendarat di Thailand dia menawan Songkla lapangan terbang sana lah jadi lapangan terbang sana dekat dengan airport [lapangan terbang] sini. Masa tu [itu] British sudah berundur lah, dalam pengunduran. Jadi disini Jepun bom dalam 6.30 pagi lah mula bom tu bom asap jadi asap tu jadi kucar kacir kelam kabut lepastu [selepas itu] bom paling besar lah jadi dia letup disana lah ada lagi kawah bom dia ada 3. Jadi bila bom jatuh mula-mula ni yang terbunuhnya 4 orang iatu tukang

masak untuk British, jadi lain ada cedera ramai jadi dia nak lari tu daripada kem tu nak pergi ke luar untuk bersembunyi masa bom tu ada mati ada cedera lah.

**MAF:** Maknanya pihak Jepun masa tu dia serang melalui udara sahaja? Adakah darat dia serang jugak [juga]?

**ZMA:** Dia serang di Kuala Pak Amat dan mendarat. Udara tu dari 1 pagi sampai 4 petang dia banyak kali lah dia serang. British berundur ni sebabnya tujuan British datang Kelantan ni sebab nak jaga lapangan terbang dia je [sahaja] jadi Jepun bom lapangan terbang dia rosak dan pesawat British pun rosak jadi [tiada] benda yang dipertahankan jadi tiada guna jadinya terpaksa berundur.

**MAF:** Jadinya tentera British tu [itu] memang tak [tidak] ramai ke macammana [bagaimana]?

**ZMA:** Jepun ramai lagi (ketawa kecil) bukan tak [tidak] ramai tentera British ni anggota dia lebih kurang lima ribulah Jepun lebih kurang lima ribu jugak [juga] tapi dia satu kumpulan yang besar jadi di Kelantan ni tentera British duduk merata jadi apabila diserang sekaligus tentera British ni kurang pertahanan dan pertahanan mereka tidak ada yang kuat lah. Kalau kita ada satu serangan yang besar dia akan kuatlah kan. Jadi senang Jepun tembus kawasan pertahanan lah. Sebab Jepun ni dia hanya satu dia boleh attack[serang][serang] satu unit seribu dua orang sekaligus, British ni satu kompeni ni hanya dalam 200 orang jelah jadi tak [tidak] cukup anggotalah untuk British melawan. Jadi kurang kekuatan anggota British.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu sebelum lapangan terbang ni dibuat, adakah tempat tu merupakan tempat hutan tebal ke?

**ZMA:** Masa tu tempat ni dia hutan tebalah. Tapi mungkin bukan hutan jugak [juga] tapi mungkin padanglah sebabtu [sebab itu] nama tempat ni Lalang luas. Lalang banyak dikawasan kosong lah kan.

**MAF:** Okey [baiklah] saya nak tahu adakah selain lapangan terbang sini [disini], adakah terdapat lapangan terbang lain macam tak [tidak] di Pengkalan Chepa dan Gong Kedak. Boleh tak [tidak] Encik bagitau sikit simple [ringkas] explanation [penerangan] mengenai lapangan terbang tersebut.

**ZMA:** Dia kena ikut strategi pertahanan British jugak [juga] lah, pertahanan British utama tanah melayu dia guna tentera laut utamanya jadi tentera laut British dia berpangkalan di Singapore [Singapura]. Naval base [Pangkalan Tentera Laut]. Jadi dia tengok [lihat] dalam strategi di Singapore [Singapura] ni tahap pertahanan dia kuat sebab banyak meriam jadi musuh tak [tidak] boleh nak attack [serang] [serang] secara teruslah. Tapi di utara ni Jepun mudah attack [serang] [serang] daripada tanah melayu ni macam di Kelantan jadi British di Kelantan ni tak [tidak] kuat lah sebab meriam di Singapore [Singapura] ni menghala kelaut. Jadi British kata kalau kita nak jaga betul-betul dia kena jaga jugak [juga] di utara ni jadi dia kena buat lapangan pangkalan udara di Kelantan ni sebelum ni pangkalan udara di pantai timur memang tak [tidak] de sebelum ni yang ada hanya di belah utara di Alor Setar. Dia boleh buat pertahanan udara di sana, dia boleh attack [serang] contoh di Alor Setar nak serang ke Kota Bharu boleh tapi jauh satu pastu [selepas itu] ada Bukit Banjaran Titiwangsa jadi awan pun tebal kat sana jadi kalau nak attack [serang] ada banyak factor [faktor] yang effect [mempengaruhi] dia kurang berkesan lah kalau di pantai barat saja jadi dia buatnya di Kota Bharu Pengkalan Chepa, Machang dan di Gong Kedak. Dia buat di Kota Bharu sebab dah ada lapangan udara untuk orang awam dia buat tu tahun 37 lagi untuk perhubungan singapura ke Kuala Lumpur apa kan. Tapi tentera British ambik untuk buat pangkalan udara dialah. Dia memang dekat pantai lebih kurang 3-kilometer jadi masa tu jarak penerbangan operasi pesawat perang British tak [tidak] jauh dia pergi jadi dia nak menambahkan range [jarak] dia jarak yang dia boleh terbang dia kena pergi yang paling dekat dengan pantai lah. Lebih jauh dia terbang lebih jauh dia boleh attack [serang] Jepun.

**MAF:** Masa terbinanya lapangan terbang ni adakah ia melibatkan pihak British sahaja ataupun pihak-pihak lain yang terlibat. Adakah lepas [selepas] pihak Jepun serang, pihak Jepun yang ambik alih lapangan terbang tersebut.

**ZMA:** aaaa... haa... Okey [baiklah] lepas British, mula-mula memang British lah jadi bila British berundur ke Pahang, jadi tentera Jepun mengambil alih lapangan udara disini lah sebagai tapak untuk melancarkan serangan tanah melayu yang lain lah macam Pahang dan menyokong serangan tentera Jepun lain di tanah melayu.

**MAF:** Adakah terdapat pesawat atau tidak di lapangan terbang tersebut?

**ZMA:** Masa tu belum... British belum meletak [tidak]kan pesawat lagi mungkin ataupun di buat yang replika ataupun tipu diperbuat daripada kayu untuk tipu tentera Jepun dari atas nampak macam kapal terbang tetapi hanya replika Jepun. Tapi dalam rekod Jepun dia nampak pesawat British. Kapal terbang kecemasan ada mendarat bila nak attack[serang] kapal Jepun jadi pesawat tu terpaksa mendarat disini lah.

**MAF:** Adakah pernah berlaku kejadian pesawat terhempas di sini?

**ZMA:** Ada. Ada sebuah pesawat tentera British lepas dia menyerang kapal Jepun tu masa Jepun mendarat jadi dia kekurangan bahan api dan terpaksa mendarat di pangkalan udara ni lah.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] fungsi lapangan terbang ni digunakan untuk pendaratan sahaja ataupun dia ada fungsi lain macam kubu pertahanan.

**ZMA:** Utamanya untuk pesawat tentera British lah tentera udara diraja British, tapi untuk mempertahankan pangkalan udara ni memang kena letak [tidak] tentera British lah dan tentera India. Di sini ada dua kompeni, satu di Kota Bharu satu di Gong Kedak. Tentera Hyderabad—

**MAF:** Lepastu [selepas itu] selain daripada tempat lapangan terbang ataupun airstrip [landasan udara] tu[itu] adakah ia terdapat banyak bangunan-bangunan lain dibina disitu?

**ZMA:** aaa... ada, jadi lokasi struktur British ni terletak [tidak] antara landasan utama dan airstrip [landasan udara] dan di tengah ni ada lah dia letak [tidak] barret tentera dan bilik stor peluru, stor bom, minyak dan kubu-kubu, pillbox [kubu].

**MAF:** Lapangan terbang ni berapa ramai dimuatkan dlam satu masa di lapangan terbang ni.

**ZMA:** Kurang daripada dua kompeni. Satu batalion dia ada empat kompeni. Dua kompeni dia pergi ke Gong Kedak dua di sini lah.

**MAF:** Saya nak tahu peristiwa penting semasa pembinaan lapangan terbang ni.

**ZMA:** Dia masa tu dia nak buat landasan. bukannya landasanlah pillbox [kubu] dia buat jugak [juga]. Jadi masa dia buat pillbox[kubu], kompeni jurutera dia, dia buat dia tengah buat tapi tiba-tiba ketua jabatan kerja raya di Kelantan datang kat sini dia kata berhenti sebab silap tempat buat. Dia salah tempat dia tepi landasan jadi kena pecahkan lah dua buah dan kena pindahkan ke lokasi lain untuk buat kubu. Jadi dia kena buat tempat lain lah.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu bilakah tarikh sebenar Jepun betul-betul menguasai pangkalan udara ni.

**ZMA:** Lepas dia mendarat tu dia menguasai Kota Bharu 8 Disember lepastu [selepas itu] dia nak pergi Kelantan ni dia sampai sini 13 disember jadi 14 Disember dia menguasai seluruh Machang. Lepastu [selepas itu] British berundur ke Kuala Krai lah secara berperingkat-peringkat lah. 20 Kilometer sehari ketika berundur.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu apakah yang mendorong pihak Jepun untuk menyerang pangkalan udara Lalang Luas ni?

**ZMA:** Sebelum Jepun serang tanah melayu ni memang diorang dah buat strategi lah untuk melumpuhkan pangkalan tentera udara British. Tentera udara British ini ialah merupakan senjata utama untuk pertahanan lah kan jadi dia kena memusnahkan aaa... pesawat dia untuk menawan lebih jauh lagi lah.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu adakah pihak Jepun meneruskan pembinaan landasan tersebut?

**ZMA:** Dia ada buatlah maintenance[penyelenggaraan] buat besar lagi lah. Saya ada dengar dia ada buat cetak [tidak] duit Jepun di sini. Duit kertas. Maknanya Jepun sudah bersedia dengan duit merekalah sebelum menawan ni. Dia plan [rancang] semua dah.

**MAF:** Saya nak tahu, kita tahu lepastu [selepas itu] Jepun ambik alih kan? Bila Jepun meninggalkan pangkalan udara?

**ZMA:** Masa dia kalah lah masa tahun 85' lepas bom atom jadi dia menyerah kalah lah. Tapi mengikut cerita orang sini, pihak Jepun ada juga bagi senjata kepada pihak Jepun untuk lawan British lah hahahaha (ketawa besar) lepastu [selepas itu] British dia hantar balik ada jugak [juga] yang tanam dalam tanah.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu keadaan pangkalan udara ni pada hari ini?

**ZMA:** Dulu ditinggalkan lah lepas British tahun 50-an dia memerintah balik.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu kesan yang masih boleh dilihat. Kesan-kesan perang dunia kedua.

**ZMA:** Pertama yang nampak sebenarnya di kubu pillbox[kubu] sini, kubu kebal sini, dalam sana ada dapur, tapak dialah, ada dapur tu pecahlah tapi nampak lagilah tapak-tapak dia tu. Dapur tu tempat masak makanan lah lepastu [selepas itu] tempat dia

buat apa kita tak [tidak] tahu lah mungkin buat tar, telaga ada lagi, tapak barret, tapak barret tu bilik untuk simpan senjata, peluru. Dulu meriam dulu ada skru meriam 3 inchi dia kena besarlah tapak dia dalam tanah masuk dalam tuan dia dulu pun nak buang tapi tak [tidak] boleh. Dia ada skru pegang meriam tu. Landasan ni ada lagi kesan-kesan dia.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu adakah barang-barang yang ditinggalkan tu diambil oleh orang ataupun sebahagian tu orang ambik macam besi-besi ke?

**ZMA:** Yang kita cari sendiri guna metal detector [pengesan logam]. Barang-barang kecil je yang tinggal.

**MAF:** Okey [baiklah] saya nak tanya pernahkah PPSK ni masuk sendiri ke tempat tersebut untuk mengkaji.

**ZMA:** Kita pernah masuk dulu hampir setiap bulan lah cari. Dulu pagi sampai petang. Barang-barang tu untuk pameran kita lah.

**MAF:** Antara barang-brang pameran daripada sini nak tahu jenis-jenis bare[barang] ghano[bagaimana]?

**ZMA:** Kita pernah buat pameran kepala bom Jepun tinggal, dan artifak-artifak lain British macam lencana-lencana askar British, pakaian uniform[seragam] lah yang dia buat dengan logam ada lagi. Tapak kasut dia—boot[kasut but].

**MAF:** Saya nak tahu alat yang digunakan untuk mencari bahan-bahan besi.

**ZMA:** Metal detector [pengesan logam] lah euro nama apa ntah [tidak tahu] brand euro tech ke hok[yang] saya. Ada lah dalam dua.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu barang-barang yang Encik cari tadi disimpan dimana?



**ZMA:** Kita ni simpan sendiri lah tapi bila ada pameran kita buat—orang yang ada barang tu dialah yang kena bawa ke pameran.

**MAF:** Maknanya orang yang dapat barang tu dialah yang simpan?

**ZMA:** Haaa... ya.

**MAF:** Saya nak tahu PPSK ni dapat sumber kewangan daripada mana?

**ZMA:** Kita tiada apa-apa sumbangan oleh kerana ini adalah minat sendiri jadi kami menggunakan dan mengeluarkan duit sendiri sahaja. Jadi kita bergerak sendiri lah.

**MAF:** Selepas itu saya nak tahu berapa jumlah sebenar ahli PPSK ni?

**ZMA:** Lebih dari 50 orang seluruh Malaysia.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu dalam pengkaji-pengkaji sejarah kelate [Kelantan] ni ada PPSK saja atau ada persatuan lain.

**ZMA:** Yang lain ada tapi tak [tidak] aktif.

**MAF:** Okey [baiklah] sekarang saya akan masuk ke bahagian lain di mana ia menumpukan pendapat ataupun harapan Encik lah.

**ZMA:** Ya...

**MAF:** Okey [baiklah] soalan saya, apakah pendapat Tuan secara umum mengenai tempat ini.

**ZMA:** Pendapat saya ni tempat ni ialah penting bagi sejarah kita sebabnya lokasi ada lagi sejarahnya British—jadi bagi saya penting la sebabnya struktur masih kekal dan yang penting kena jagalah sebab sejarah masih ada.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] saya nak tahu adakah tempat pengkalan udara Lalang luas ni pernah didokumentasikan di mana-mana stesen tv [televisyen] ke.

**ZMA:** Dalam TV1, TV3 ada garis waktu Bersama muzium tentera darat Malaysia. TV3 segmen tema hari merdeka kalau tak [tidak] silap. Dan selain daripada TV kita masuk juga dalam akhbar sinar harian pun tema sama hari merdeka.

**MAF:** Okey [baiklah] lepastu [selepas itu] saya nak tahu pada pendapat Tuan, kenapa tempat ni kurang mendapat sambutan orang luar, diorang pun tak [tidak] tahu pun dekat Machang ni ada pengkalan udara.

**ZMA:** Sebabnya utama sekali tiada maklumat lah, bahan maklumat macam buku. Tapi PPSK ni bukan sahaja sejarah tapi budaya, warisan jadi lebih luas lah. ---makanan pun dikira sejarah.

**MAF:** Lepastu [selepas itu] soalan saya, apakah pengkalan udara ni berpotensi menjadi tarikan pelancong.

**ZMA:** Sebenarnya potensi tu memang ada lah. Pernah bawak pelancong Jepun mari yang minat sejarah lah. Cuma dianya belum buat secara khusus dengan pihak kerajaan ke, patutnya[sepatutnya] dia kena buat begitu, contohnya buat papan kenyataan ke sini bekas tempat perang dunia kedua British lah. Jadi benda tu tiada jadi orang tak [tidak]tahu lah. Untuk tarik mereka kena bagilah maklumat infrastruktur, kemudahan contohnya ada bilik air ke kalau nak pergi mari jauh kan jadi senanglah untuk pelancong lah infrastruktur tu.

**MAF:** Lepas itu saya nak tahu apakah tindakan yang sepatutnya orang kita lakukan untuk supaya tempat ini dipelihara lah.

**ZMA:** Kalau dipelihara ni susah lah sebab dia tanah persendirian lah, jadi tak [tidak] boleh nak dipelihara lah kecuali diorang[mereka] ada kesedaran diri untuk ada nilai pelihara. Tapi susahlah sebabnya dia tak [tidak] piker [fikir] benda tu lain jadi dia nak buat benda lain. Baik buat rumah kalau fikir kan. Boleh buat benda lain kan. Tapi kalau adapun sumbangan memang sikit sajalah. Bendanya senang je contohnya letak [tidak] signboard [papan tanda] jadi mereka tak [tidak] buat. Tapi dari segi ekonomi pun baguslah kalau ada pelancong mari, membantu pendapatan penduduk sini lah. Sebabtu kita kena ikut apa kaitan kita lah sebenarnya, jadi kita bukan hanya semata-mata sejarah dan kita ada tanggungjawab social [sosial] juga. Kita bukannya untung orang lain pun dapat juga benefit [keuntungan] dia kan kelebihan lah.

**MAF:** Lepastu [selepas itu], saya nak tahu adakah pada masa akan datang pengkalan udara ini akan lupus sepenuhnya?

**ZMA:** saya rasa kemungkinan jugak [juga] lah, kemungkinan besar sebabnya disini pembangunan selalu berjalan, lebih banyak perumahan dibina kan, jadi lebih banyak bangunan baru dibina, tempat bersejarah ni dia akan diratakan untuk buat rumah jadi hilanglah macam ada disana pun nanti mungkin akan buat benda lain.

**MAF:** Jadi mungkin akan hilang 10-20 lah?

**ZMA:** Dua tahun pun mungkin lah hahaha (ketawa kecil).

**MAF:** Okey [baiklah] lepastu [selepas itu] soalan terakhir saya lah. Apakah harapan Tuan pada peninggalan sejarah ini pada masa akan datang.

**ZMA:** Sebenarnya tempat ni pada saya terjagalah untuk generasi akan datang sebabnya sejarah ini penting menjadi iktibar untuk masa depan kita sendiri boleh tengok [lihat] kesusahan dulu-dulu jadi orang boleh belajar. Harapan saya sepatutnya dijaga lah. Ditempat lain ada terjaga sikit cuma dekat sini terabai sikit lah.

**MAF:** Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai Lapangan Terbang Lalang Luas bersama Tuan. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini.

Kami berharap dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam pengetahuan sejarah masyarakat masa kini dan tempat ini diberi perhatian sepenuhnya oleh pihak yang bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

**ZMA:** Okey [baiklah] saya pun ingin mengucapkan ribuan terima kasihlah sebab sudi menemubual kami dan dengan ni[ini] kami akan rasa lebih semangat untuk meneroka tempat-tempat sejarah di Kelantan ini dah terima kasih lah.

**MAF:** Okey [baiklah] terima kasih.

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai Lapangan Terbang Lalang Luas Bersama Encik Zaffrani bin Mohammad Arifin. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini.

Kami berharap dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam pengetahuan sejarah masyarakat masa kini dan tempat ini diberi perhatian sepenuhnya oleh pihak yang bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

# LAMPIRAN

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN 1

### LOG WAWANCARA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>Bahagian 1: Latar Belakang</b>		
12.24 PM – 12 .41 PM	Latar Belakang Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Zaffrani bin Mohammad Ariffin</li> <li>• 47 tahun (17 Disember 1971)</li> <li>• Tinggal di Taman guru</li> <li>• Lahir di Pasir Mas</li> <li>• SRP- Sultan Ismail College</li> <li>• ITM</li> <li>• Menyertai PPSK tahun 2014</li> <li>• Pengkaji Sejarah Perang Dunia Kedua.</li> </ul>
<b>Bahagian 2: Sejarah Machang Airfield</b>		
12.26 PM – 1.45 PM	Nama rasmi lapangan terbang.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Machang airfield (Nama di dalam rekod Bitish)</li> <li>• Labok Airfield</li> </ul>
	Lokasi Lapangan terbang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Labok, Machang, Kelantan</li> <li>• Kampung Lalang Luas</li> </ul>
	Tarikh lapangan terbang ditubuhkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahun 1941</li> </ul>
	Tarikh lapangan terbang mula beroperasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahun 1942</li> </ul>
	Pihak yang menubuhkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tentera British</li> </ul>
	Material landasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Blok simen dibahagian bawah dah</li> </ul>

		ditutup menggunakan batu keras.
	Tempoh lapangan terbang disiapkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 6 Bulan</li> </ul>
	Adakah landasan disiapkan?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tergendala</li> </ul>
	Sebab tergendala	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Serangan tentera jepun</li> </ul>
	Buruh yang membina lapangan terbang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk kampung</li> </ul>
	Buruh dipaksa atau dibayar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibayar</li> </ul>
	Mengapa Kawasan ini dipilih	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kedudukan di tengah-tengah kelantan</li> </ul>
	Jumlah landasah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 3</li> <li>• Landasan Utama (1100 Meter)</li> <li>• Landasan kedua (1080 Meter)</li> <li>• Airstrip</li> </ul>
	Muatan tentera di lapangan terbang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak kurang dari 2 kompeni</li> </ul>
	Peristiwa penting semasa proses pembinaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Landasan kedua tidak disiapkan kerana serangan jepun</li> <li>• Pilbox perlu dipindahkan kerana berdekatan dengan landasan</li> <li>• Lapangan terbang British dirampas oleh jepun pada hari pertama jepun mendarat di Kelantan.</li> </ul>
	Pendorong jepun untuk menakluk lapangan terbang british	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kedudukan yang strategic untuk menyerang di bahagian timur, utara, selatan dan barat Kelantan.</li> </ul>
	Tarikh jepun meninggalkan lapangan terbang british	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setelah mereka tewas dan berlaku gencatan senjata dan tentera-tentera perlu dihantar semula ke jepun.</li> </ul>

	Kesan-kesan yang masih ada sehingga kini	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pilbox, dapur, skru meriam, kawah bom</li> </ul>
<b>Bahagian 3 : Pendapat dan Harapan</b>		
1.45 PM – 2.10 PM	Pendapat umum tentang lapangan terbang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlu dijaga kerana tidak dijaga dan akan hilang dalam lingkungan beberapa tahun lagi.</li> </ul>
	Pernah di dokumentarikan di siaran televisyen	<ul style="list-style-type: none"> <li>• TV!</li> <li>• TV3 (Tema Kemerdekaan)</li> <li>• Sinar Harian (Tema Kemerdekaan)</li> </ul>
	Tarikan Pelancing	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tarikan pelancong dari Jepun</li> </ul>
	Sumber kewangan dari kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada sumbangan dari kerajaan negeri</li> </ul>
	Respon pengunjung di Facebook	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sangat ramai</li> </ul>
	Penutup temubual	<ul style="list-style-type: none"> <li>• -</li> </ul>



## LAMPIRAN 2

### DIARI KAJIAN

TARIKH	MASA	PERKARA	TINDAKAN
3/10/18	11:00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tugas mencari tempat bersejarah sekitar daerah Machang</li> <li>• Menerima tugas untuk menemuramah seorang yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai lokasi yang dipilih</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mula mencari lokasi</li> </ul>
10/10/18	8:00 malam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbincangan bersama ahli kumpulan</li> <li>• Berbincang mengenai pencarian lokasi bersejarah di Machang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memilih halaman Kelab Pencinta Sejarah Kelantan (PPSK) sebagai sumber rujukan</li> </ul>
15/10/18	3:00 petang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat panggilan kali pertama kepada Encik Hasan (Pengerusi kelab PPSK)</li> <li>• Memohon untuk berjumpa dengan beliau membincangkan lokasi yang sesuai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersetuju untuk mengadakan perjumpaan</li> </ul>
21/10/18	8:00 malam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertemu dengan Encik Hasan di sebuah kedai makan di bandar Machang</li> <li>• Berbincang mengenai lokasi sesuai</li> <li>• Membincangkan individu yang sesuai untuk ditemu ramah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memilih Machang Airfield sebagai lokasi kajian</li> <li>• Encik Hasan menyarankan Encik..., ahli kelab pencinta sejarah di</li> </ul>

			yang fokus mengenai sejarah Perang Dunia Kedua
29/10/18	1:00 tengahari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghubungi Encik Hasan untuk kali kedua</li> <li>• Membincangkan tarikh sesuai untuk mengadakan temuramah</li> <li>• Menghantar laporan kepada pensyarah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Encik Hasan menetapkan tarikh 17 November sebagai tarikh untuk melakukan temuramah</li> </ul>
7/11/18	11:00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berjumpa dengan pensyarah Puan Nurul Annisa Binti Abdullah</li> <li>• Meminta nasihat dan garis panduan bagi persediaan untuk menuramah individu berkenaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensyarah menyemak soalan temuramah yang telah dihantar dan menyusun turutan dan kesesuaian soalan</li> </ul>
17/11/18	10.30 pagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjumpaan kali pertama bersama individu untuk ditemuramah</li> <li>• Temuramah dijalankan lokasi pilihan, Machang Airfield, Lalang Luas.</li> <li>• Temuramah dijalankan selama 1 jam 30 minit</li> <li>• Melakukan tinjauan di Machang Airfield</li> <li>• Melawat kesan tapak pengeboman dan kubu peninggalan pihak British</li> <li>• Melawat tapak meriam anti pesawat milik British</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memulakan sesi temuramah bersama Encik... pada jam 10:30 pagi dan berakhir pada jam 12 tengahari</li> </ul>

20/11/18	11:00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjumpaan bersama ahli kumpulan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengagihkan tugas dan bahagian</li> </ul>
24/11/18	2:00 petang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjumpaan bersama ahli kumpulan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mula membuat transkrip</li> </ul>
2/11/18	11:00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjumpaan bersama pensyarah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyemak draf untuk kali pertama</li> </ul>
5/11/18	11:00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjumpaan bersama pensyarah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat pembetulan yang diarahkan pensyarah</li> </ul>
12/12/18	8:00 malam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjumpaan bersama ahli kumpulan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyiapkan transkrip sepenuhnya sebelum dihantar kepada pensyarah</li> </ul>
16/12/18	12:00 tengahari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berjumpa dengan pensyarah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghantar transkrip kepada pensyarah.</li> </ul>

## LAMPIRAN 3

### SENARAI SOALAN

#### SOALAN TEMUBUAL

##### BAHAGIAN A: PENGENALAN AWAL LATARBELAKANG

1. Apakah nama penuh Tuan?
2. Berapakah umur Tuan?
3. Bilakah Tuan dilahirkan?
4. Dimanakah Tuan dilahirkan?
5. Dimanakah Tuan menuntut ilmu mengikut kronologi?
6. Apakah pekerjaan awal Tuan setelah tamat pegajian?
7. Dimanakah Tuan tinggal sekarang?

##### BAHAGIAN B: KERJAYA SEKARANG

8. Apakah jawatan Tuan dalam Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan (PPSK)?
9. Bilakah Tuan mula berkhidmat di PPSK?
10. Apakah tujuan persatuan ini ditubuhkan?
11. Pada tahun bilakah persatuan ini ditubuhkan?
12. Bagaimanakah Tuan boleh menyertai persatuan ini?
13. Apakah tujuan Tuan menyertai persatuan ini?
14. Apakah peranan atau tugas-tugas PPSK?
15. Apakah jawatan ini merupakan satu tanggungjawab yang berat bagi Tuan?
16. Apakah ciri-ciri yang perlu ada untuk menyertai PPSK?
17. Apakah tugas atau pencapaian paling bermakna sepanjang bertugas di PPSK?

18. Apakah cabaran utama bertugas dalam persatuan ini?
19. Bagaimanakah Tuan mengatasi masalah tersebut?
20. Apakah sumbangan Tuan sepanjang bertugas?
21. Pernahkan tuan menulis artikel di laman sesawang PPSK atau di halaman Facebook PPSK?
22. Apakah pembaharuan yang Tuan laksanakan sepanjang Tuan berkhidmat di PPSK?
23. Apakah kesemua khidmat yang Tuan laksanakan mendapat perhatian umum dan memberi kesan kepada persatuan dan masyarakat?
24. Apakah kesan daripada tindakan Tuan itu terhadap PPSK pada masa kini?
25. Pernahkah Tuan menerima sebarang anugerah?
26. Apakah terdapat sebarang projek atau aktiviti yang sedang diusahakan pada masa ini?
27. Apakah projek kerjasama yang pernah dikendalikan oleh PPSK dengan kerjasama organisasi tempatan atau luar?
28. Apakah hasil daripada projek tersebut?

### **BAHAGIAN C: SEJARAH BANGUNAN**

29. Apakah nama rasmi lapangan terbang ini?
30. Dimanakah lapangan ini terletak?
31. Bilakah tarikh Lapangan Terbang Lalang Luas ditubuhkan?
32. Bilakah tarikh lapangan ini mula beroperasi?
33. Siapakah/pihak manakah yang menubuhkannya?
34. Secara keseluruhannya apakah material yang digunakan untuk membina lapangan terbang ini?

35. Berapa lamakah masa yang diambil untuk membina lapangan ini?
36. Apakah lapangan terbang ini siap dibina sepenuhnya?
37. Apakah yang menyebabkan pembinaannya tergendala?
38. Benarkah penduduk sekitar kawasan lapangan dikerah untuk membina lapangan terbang ini?
39. Adakah mereka diberikan upah untuk membinanya?
40. Berapakah keluasan lapangan ini?
41. Apakah tujuan penubuhannya?
42. Mengapakah kawasan ini menjadi pilihan untuk dibina lapangan?
43. Apakah yang terdapat di kawasan ini sebelum lapangan ini ditubuhkan?
44. Selain lapangan ini, apakah terdapat lapangan lain yang dibina di negeri ini pada waktu itu?
45. Semasa terbinanya lapangan terbang tersebut, adakah ia melibatkan pihak british, Jepun dan lain-lain?
46. Apakah jenis pesawat yang pernah ditempatkan disini?
47. Pernahkah berlaku kejadian pesawat terhempas di lapangan terbang tersebut dan dimanakah lokasi pesawat tersebut terhempas?
48. Apakah fungsi lapangan ini selain untuk pendaratan pesawat?
49. Mengapakah kawasan ini menjadi pilihan?
50. Selain litar pendaratan, apakah yang terdapat dalam kawasan lapangan ini? (kubu)
51. Berapa ramaikah binaan tersebut dapat memuatkan tentera?
52. Daripada bahan apakah binaan tersebut dibina?

53. Adakah lapangan terbang ini digunakan untuk tujuan penerbangan domestik ataupun ketenteraan?
54. Apakah peristiwa penting yang berlaku semasa proses pembinaan lapangan terbang tersebut?
55. Adakah lapangan terbang tersebut pernah bertukar milik contohnya daripada British ke Jepun?
56. Adakah kemaraan yang cepat dari pihak jepun menyebabkan lapangan terbang tersebut tidak siap sepenuhnya?
57. Pada tahun bilakah Jepun menguasai lapangan terbang ini?
58. Apakah yang mendorong Jepun untuk menguasai lapangan ini?
59. Adakah Jepun meneruskan pembinaan lapangan terbang ini sehingga siap?
60. Berapa lamakah tempoh yang diambil oleh mereka untuk menyiapkannya?
61. Apakah yang menyebabkan Jepun meninggalkan lapangan terbang tersebut?
62. Bagaimanakah keadaan lapangan terbang tersebut pada hari ini?
63. Apakah kesan yang masih dapat dilihat pada hari ini?
64. Bagaimanakah keadaan lapangan terbang tersebut pada hari ini?
65. Pernahkah lapangan terbang ini mendapat liputan dari mana-mana pihak?
66. Apakah penemuan yang dijumpai di kawasan itu?
67. Apakah fungsi barangan tersebut pada zaman tersebut?
68. Dimanakah penemuan tersebut disimpan pada masa sekarang?
69. Pihak manakah yang menyimpan hasil penemuan tersebut?

## **BAHAGIAN E: PENDAPAT DAN HARAPAN**

70. Apakah pendapat tuan secara umum mengenai lapangan terbang ini?
71. Adakah tempat ini pernah didokumentarikan dan disiarkan di mana-mana siaran tv?
72. Pada pendapat tuan mengapakah lapangan terbang ini kurang dikenali oleh masyarakat di negara ini?
73. Pada pendapat tuan juga, apakah Lapangan terbang lalang luas ini berpotensi untuk menjadi tempat tarikan pelancong?
74. Apakah tindakan yang sepatutnya dilakukan supaya ianya lebih dipelihara dan dikenali ramai?
75. PPSK pernah memuat naik mengenai sejarah lapangan terbang di halaman Facebook, apakah reaksi masyarakat terhadapnya?
76. Adakah PPSK mempunyai inisiatif sendiri untuk memelihara/menghebahkan tentang sejarah ini?
77. Apakah harapan Tuan pada peninggalan sejarah ini pada masa yang akan datang?

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai Lapangan Terbang Lalang Luas Bersama Encik Zaffrani Bin Mohammad Ariffin.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini.



Kami berharap dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam pengetahuan sejarah masyarakat masa kini dan tempat ini diberi perhatian sepenuhnya oleh pihak yang bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

## LAMPIRAN 4

### SENARAI ABBREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
PPSK	Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan
SIC	Sultan Ismail College
ITM	Institut Teknologi Mara
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
BSN	Bank Simpanan Nasional
JKR	Jabatan Kerja Raya

### SENARAI SINGKATAN


MAF: Mohammad Alif Faisal


ZMA: Zaffrani Mohammad Ariffin

SMY: Sy Muhammad Nazif

LAMPIRAN 5

GAMBAR, SIJIL DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN















# MACHANG AIRFIELD

Prepared By:  
Mohammad Aliq Faisal Bin Shaari  
Sy Nazif Bin Sy Ahmad



Zaffrani Bin Mohammad Ariffin



WOODGROVE BANK



## ABOUT MACHANG AIR FIELD

*Lalang Luas, Labok, Machang*

- Name given from British based on the current place.
- To secure Kelantan airspace.
- British Army & Battalion Tentera Hyderabad (Indian Army).
- 1941 (unfinished).
- 2 Runaway.
- Build by villagers.
- Made by block of cement and hard rock on the top.



WOODGROVE  
BANK

## EXPERIENCE DURING INTERVIEW

*Lalang Luas, Labok, Machang*

- Total of questionnaire is 72 question answered in 1 hour and 32 minutes.
- Majority of the question are well answered by interviewee.
- Total time of interview is 12.00pm – 2.30 pm.
- Site visit.



WOODGROVE  
BANK

# CHALLENGES & LIMITATIONS

*Machang Airfield*

Interview Location

Duration of interview

Interruption

WOODGROVE  
BANK

# SITE VISIT



WOODGROVE  
BANK

**THANK YOU**

## **RUJUKAN**

Encik Zaffrani Mohammad Ariffin, personnel communication, November 17, 2018

## INDEKS

Apa ni [Apa ini], 7,10,11,12,16  
Airport [lapangan terbang], 19  
Attack [serang], 19,20,21  
Bagitau [beritahu], 10,20  
BSN [Bank Simpanan Nasional], 7  
Batalion, 22  
Baret, 18,19  
benefit [keuntungan] , 27  
Boot [kasut but], 24  
diorang[mereka], 27  
Effect [mempengaruhi], 20  
Explanation [penerangan], 20  
Factor[faktor], 20  
Hok [yang], 25  
Group [kumpulan], 12  
Info [informasi], 12  
Jugak [juga], 8,9,10,11,13,14,15,16,17,19,20,22,23,27.  
Kecik [kecil], 18  
Ko [kah], 11  
Kat [di], 13  
Kelate [Kelantan], 25  
Kompeni, 22  
Lepastu [selepas itu], 6-28  
Lepas [selepas], 21  
Macammana [bagaimana], 10,19  
Mari [datang],15

Material [bahan], 16  
Maintanaince [penyelenggaraan], 23  
Metal detector [pengesan logam], 24  
Naval base [Pangkalan Tentera Laut], 20  
Ntah [tidak tahu],25  
Okey [Baiklah], 6,7,8,9,10,12,14,15,16,17,18,20,21,22,24,26  
Page [ruangan], 12  
Pasal [Mengenai], 11  
Perang Dunia, 7,10,11,12,13,24,27,30  
Pearl Harbor, 18  
piker [fikir], 27  
Post [muat naik], 12  
Progress [kemajuan], 11  
PPSK [Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan], 8,9,11,12,13,14,24,25,26,30,37,38,40  
Pillbox [kubu], 22,24  
Range [jarak], 20  
Sapa [siapa], 17,18  
Sebattu [sebab itu], 9,20  
SIC [Sultan Ismail College], 7  
Simple [ringkas], 20  
signboard [papan tanda], 27  
Singapore [Singapura], 16,20  
Skuardon, 15  
social [sosial], 27  
Tak [tidak], 6,7,8,9,10,11,12,13,14,15,16,17,18,19,20,21,22,23,24,25  
Translate [terjemah], 10  
Translator [penterjemah], 10  
Tv [televisyen], 26

Unfinished [tidak siap], 17

University, 6

Website [laman web],